

27 DEC 1996

Abdullah - Misi

ABDULLAH DI LIMA UNTUK MENYEMPURNAKAN "MISI HARAPAN"

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi mempunyai jadual yang sibuk setibanya di Lima kira-kira pukul 1.30 pagi (2.30 petang waktu Malaysia semalam) selepas penerbangan hampir 30 jam dari Kuala Lumpur.

Keletihan akibat perjalanan yang mengambil masa yang lama tidak menghalang beliau daripada menyempurnakan "misi khasnya" mendapatkan pembebasan duta Malaysia Ahmad Mokhtar Selat dengan selamat. Ahmad Mokhtar ialah antara 103 tebusan yang masih ditahan oleh gerila di kediaman duta Jepun di Lima.

Gerila-gerila dari Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) menawan kediaman duta Jepun itu semasa jamuan sempena ulang tahun keputeraan Maharaja Jepun pada 17 Dis lepas.

Tugas pertama Abdullah ialah mendengar taklimat secara langsung mengenai keadaan daripada duta Malaysia ke Brazil Datuk Zainal Abidin Zain, yang kini bertanggungjawab sementara bagi urusan di Kedutaan Peru.

Taklimat berlangsung di Kedutaan Malaysia di tengah-tengah kesibukan dengan telefon berdering tanpa henti, kebanyakannya dari wartawan Malaysia di Kuala Lumpur yang ingin mengetahui perkembangan terkini mengenai krisis tebusan.

"Saya langsung tidak sempat untuk duduk," kata Abdullah kepada Bernama menerusi telefon dari kedutaan mengenai rundingannya dengan Presiden Peru Alberto Fujimori pada pukul 1.45 tengah hari waktu tempatan (2.45 pagi waktu Malaysia).

Belumpun selesai beliau memberi taklimat, telefon lain pula berdering dan Abdullah bergegas untuk menjawabnya.

Abdullah berkata beliau akan berada di Lima untuk "sehari dua" atau lebih bergantung kepada keadaan.

"Saya tidak tergesa-gesa untuk pulang. Kita mempunyai tugas penting untuk dilaksanakan di sini," kata beliau ketika merujuk kepada "misi khasnya".

Abdullah yang bercuti bersama keluarganya di Singapura berlepas ke Peru Rabu lepas untuk misi khas atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Arahan itu diterima sehari selepas gerila MRTA membebaskan 225 orang lagi tebusan. Tetapi Ahmad Mokhtar tidak termasuk dalam senarai tebusan yang dibebaskan itu.

Bagi Abdullah, pemergiannya kali ini bukan seperti lawatan rasmi lain kerana beliau tiba di sini untuk menyempurnakan misi khas yang menghendaki beliau menggunakan pengalamannya dan saluran diplomatik.

-- BERNAMA

ES FAZ